

Pengukuhan kuasa pemerintahan kesultanan Melayu Kedah dalam Undang-undang Kedah

ABSTRAK

Pada zaman pemerintahan kesultanan Melayu, Undang-Undang Kedah merupakan salah satu naskhah utama dalam sejarah penulisan undang-undang adat dan terpenting dalam menonjolkan kekuasaan golongan raja dalam mentadbir sesebuah negara selain membicarakan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu Kedah. Oleh itu, objektif kajian ini ialah mengenal pasti kaedah pengukuhan kuasa yang diwujudkan oleh raja di samping menghuraikan implikasi yang wujud hasil pengukuhan kuasa tersebut terhadap pemerintahan kesultanan Melayu Kedah. Hasil kajian menunjukkan pengukuhan kuasa pemerintahan kesultanan Kedah wujud melalui pelbagai kaedah iaitu pembatasan hubungan raja dengan rakyat, kawalan sosial dan pembentukan sifat kepatuhan rakyat kepada golongan raja. Sehubungan itu, perbincangan ini berlandaskan Teori Kuasa yang diperkenalkan oleh John R.P. French dan Bertram Raven (1959) di samping menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan.

KataKunci: Kuasa; Raja; Rakyat; Kesultanan Melayu Kedah; Undang-undang Kedah